

## **PANDUAN LANTIKAN DAN TANGGONGJAWAB PENGERUSI PEPERIKSAAN LISAN**

### **Syarat Lantikan Pengerusi Peperiksaan Lisan**

- i. Pengerusi dilantik berasaskan kewibawaan dan professionalisme yang tinggi.
- ii. Bagi peperiksaan lisan peringkat doktoral, pengerusi hendaklah seorang Professor. Seorang Professor Madya boleh dilantik sebagai pengganti.
- iii. Bagi peperiksaan lisan peringkat sarjana, pengerusi sekurang-kurangnya berpangkat Professor Madya.
- iv. Pengerusi hendaklah berkecuali, tidak ada kepentingan dan tidak boleh diragui tentang sifat keberkecualiannya.
- v. Pengerusi tidak boleh mempunyai pertalian persaudaraan yang rapat dengan pelajar, pemeriksa mahupun dengan penyelia.

### **Peranan Pengerusi Peperiksaan Lisan**

- i. Memastikan semua dokumen peperiksaan lengkap.
- ii. Memulakan sesi peperiksaan dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli panel.
- iii. Memastikan sesi peperiksaan berjalan mengikut peraturan peperiksaan lisan.
- iv. Memastikan peperiksaan berjalan dengan harmoni.
- v. Membuat laporan keputusan panel pemeriksa dan pembetulan. Laporan hendaklah dibuat diakhir sesi peperiksaan lisan dihadapan Panel Pemeriksa.
- vi. Memaklumkan kepada pelajar keputusan panel pemeriksa serta pembetulan yang perlu dibuat jika ada.
- vii. Pengerusi bukannya seorang pemeriksa dan tidak wajar bagi beliau menyoal pelajar sebagaimana seorang pemeriksa. Beliau boleh mengulang semula soalan pemeriksa dengan cara lain jika pelajar tidak memahami soalan tersebut.

- viii. Pengurus tidak terlibat dalam membuat keputusan tetapi membantu pemeriksa untuk menghasilkan keputusan bersama.
- ix. Memastikan tidak ada perbincangan atau soal-jawab antara pemeriksa dan penyelia semasa sesi soal-jawab dengan pelajar kecuali sangat perlu dan terkawal.
- x. Membenarkan penyelia dan pemeriksa berbincang selepas sesi soal-jawab dengan pelajar sebelum membuat keputusan.
- xi. Memastikan pemeriksa, penyelia dan pelajar memainkan peranan masing-masing seperti digariskan di bawah.

#### **Peranan Pemeriksa**

- i. Menilai tesis sama ada telah mencapai kualiti yang dikehendaki untuk penganugerahan.
- ii. Mengemukakan soalan untuk mengesahkan bahawa tesis adalah hasil kajian dan penulisan yang dibuat oleh pelajar berkenaan..
- iii. Menghasilkan keputusan bersama setelah mempertimbangkan tesis dan penjelasan pelajar.
- iv. Mencadangkan pembetulan atau kerja tambahan yang perlu dilakukan.

#### **Peranan Penyelia**

- i. Menghadiri sesi peperiksaan lisan.
- ii. Memberi penjelasan hanya jika diminta oleh pemeriksa atau pengurus.
- iii. Mengambil perhatian terhadap keputusan peperiksaan dan pembetulan atau kerja tambahan yang perlu dilakukan.
- iv. Tidak menjawab soalan bagi pihak pelajar semasa sesi soal jawab..

#### **Peranan Pelajar**

- i. Hadir dalam sesi peperiksaan.
- ii. Berpakaian kemas dan bersopan.
- iii. Membuat persediaan awal sebelum peperiksaan.

- iv. Membuat pembentangan ringkas kurang daripada 20 minit untuk mengemukakan hasil kajian yang tertulis dalam tesis.
- v. Menjawab semua soalan pemeriksa sebaik mungkin.
- vi. Akur dengan keputusan panel peperiksaan.